

16/03/2001

Pas mahu syarat dipenuhi

KUALA LUMPUR, Khamis - Pas tetap mahu Umno memenuhi dulu segala tuntutanannya sebelum pertemuan mengenai perpaduan Melayu diadakan, kata Presidennya, Datuk Fadzil Noor.

Beliau berkata, apa yang dituntut Pas adalah perkara kecil yang menjadi hak parti itu, bukan alasan untuk berdolak dalik.

"Kita bukan tak nak jumpa tetapi dia kena bagi dulu apa yang kita minta. Kita minta apa yang menjadi hak kita, bukan benda baru.

"Kalau benda-benda kecil pun tak boleh bagi, macam mana dengan benda-benda besar pada pertemuan itu nanti," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini yang mahu Pas menyatakan pendiriannya sama ada mahu mengadakan pertemuan itu atau sebaliknya, daripada memberi pelbagai alasan seperti sekarang.

Perdana Menteri ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin dan ahli jawatankuasa Umno Bahagian Lipis dan Raub, berkata Umno sedia menerima apa juga pendirian parti pembangkang itu.

"Kalau Pas tak nak jumpa, kata tak nak jumpa, tak usahlah bagi alasan-alasan lain. Kalau Pas kata `kami tidak peduli tentang soal kepentingan orang Melayu, kami utamakan kepentingan nasional...' katalah, tak apa. `Oleh kerana itu kami (Pas) tak nak jumpa'," katanya.

Pertemuan perpaduan Melayu di antara pemimpin Umno dan Pas sepatutnya diadakan 19 Februari lalu tetapi ditangguhkan dengan Pas mengemukakan tiga syarat baru.

Syarat berkenaan ialah pemberian balik royalti minyak kepada kerajaan Pas Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Fadzil berkata, sama ada pertemuan itu akan menjadi kenyataan atau tidak bergantung sepenuhnya kepada Umno.

Katanya, jika Umno menerima semua permintaan Pas itu, maka pertemuan itu akan menjadi kenyataan.

"Kalau dia (Umno) serius, dia harus pertimbang syarat kita (Pas)," katanya.

(END)